

LAWATAN PENGUATKUASAAN KE KILANG KELAPA SAWIT YANG DILESENKAN OLEH JABATAN ALAM SEKITAR NEGERI MELAKA

23 November 2021, MELAKA - Bahagian Operasi Jabatan Alam Sekitar Negeri Melaka telah menjalankan penguatkuasaan ke sebuah premis pemprosesan kelapa sawit. Penguatkuasaan memfokuskan kepada aktiviti memproses buah kelapa sawit dan kolam pengolahan efluen sebagaimana kehendak Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Udara Bersih) 2014 dan Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Premis Yang Ditetapkan) (Minyak Kelapa Sawit Mentah) 1977.

Aduan orang awam berkaitan kes-kes pencemaran alam sekitar boleh disalurkan di talian bebas tol 1-800-88-2727, email ke aduan_k@doe.gov.my atau ke portal aduan <https://eaduan@doe.gov.my>

#KementerianAlamSekitarDanAir

#JabatanAlamSekitar

#jasnegerimelaka

#AlamSekitarTanggungjawabBersama